

Syarat & Peraturan Peraduan Video Digital Radiologi Malaysia – Malam Merah Jambu Istimewa 2009

Syarat & Peraturan – Peraduan Video Digital (3 min sahaja)

1. Peraduan ini terbuka kepada semua yang bermastautin di Malaysia. Ahli-ahli Kolej Radiologi, kakitangan Majalah Kidz, kakitangan Majalah 'Challenges', kakitangan penaja, agensi penaja serta ahli keluarga terdekat (ibubapa, pasangan dan anak) tidak layak menyertai peraduan ini.
2. Peraduan Video Digital Radiologi Malaysia-Malam Merah Jambu Istimewa 2009 bermula pada 1 May 2009 dan berakhir pada 30 Sep 2000.
3. Mengenai ciptaan video digital:
 - Video tersebut mestilah ciptaan asli dan anda akan memiliki hak cipta video anda
 - Tajuk (title) video anda mestilah mempunyai perkataan "RM-OPN2009"
 - Tema video anda adalah "menikmati kehidupan sebaik mungkin walaupun menghadapi kanser payudara"
 - Video tersebut mestilah tidak melebihi 3 minit termasuk kredit (seperti nama orang yang terlibat dalam ciptaan video tersebut, pengarah dan sebagainya)
 - Video yang melebihi 3 minit tidak layak untuk peraduan ini
 - Sesiapa atau tempat yang termasuk di video anda mestilah memenuhi sebarang syarat kebenaran daripada orang/tempat tersebut, kerana video yang menang berkemungkinan akan digunakan untuk promosi kesedaran kesihatan payudara
 - Video tersebut tidak boleh mengandungi elemen lucah, fitnah, ataupun menceroboh hak individu seseorang tanpa kebenaran mereka
 - Video ciptaan anda juga mestilah mematuhi syarat-syarat servis YouTube.
 - Semua penyertaan akan menjadi hakmilik penganjur peraduan ini dan boleh digunakan untuk aktiviti kesedaran payudara
 - Anda mesti juga menghantar DVD ciptaan video sebagai bukti, kalau tidak, penyertaan anda akan dibatalkan
4. Penyampaian hadiah akan berlangsung pada 7 Nov 2009, yakni Malam Merah Jambu Istimewa 2009. Pemenang-pemenang akan diberitahu masa dan tempat penyampaian hadiah. Pemenang-pemenang sendiri mesti menerima hadiah-hadiah tersebut. Wakil pemenang tidak akan diterima.
5. Seseorang boleh menghantar lebih daripada satu ciptaan video. Setiap penyertaan mesti mempunyai borang penyertaan yang lengkap. Tetapi, setiap orang hanya boleh memenangi SATU (1) hadiah sahaja.
6. Mereka yang berumur kurang daripada 18 tahun mesti mendapat izin ibubapa atau penjaganya.
7. Semua penyertaan mestilah diterima tidak lewat daripada 12 tengah malam 30 Sep 2009.
 - a. Penyertaan boleh dibuat secara "online" di laman web Radiology Malaysia dan mesti mempunyai alamat laman web (link-pautan) untuk video digital ciptaan anda yang dimuat-naik ke YouTube
 - b. Borang penyertaan (yang dimuat-turun) dan dilengkapi patutlah dihantar melalui e-mel ke contest@radiologymalaysia.org

Salinan video ciptaan anda pada DVD mestilah dihantar dengan nama anda/telefon serta juga alamat laman/pautan web YouTube di mana video anda terpapar (the YouTube link) ke:

"RM-OPN2009" Video Contest
KIDZ/SUPERKIDZ MAGAZINE

Epitome Communications Sdn Bhd
10.01 Wisma Lim Foo Yong
86 Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur
(Tel: +603 2144 5733
Fax: +603 2144 6733)

Atau
"RM-OPN2009" Video Contest
College of Radiology, Academy of Medicine of Malaysia
Suite 2.1 Akademi Perubatan
210 Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

Atau
"RM-OPN2009" Video Contest
Challenges Mag
Essential Associates Sdn Bhd
26-3A, Jalan PJU1/3B,
Sunwaymas Commercial Centre Block B,
47301 Petaling Jaya

8. Hadiah-hadiah tidak boleh ditebus untuk wang tunai sama ada sebahagian ataupun sepenuhnya.
9. Sekiranya penganjur gagal menyediakan hadiah-hadiah yang dinyatakan, pihak penganjur berhak menggantikan hadiah tersebut dengan hadiah yang sama nilainya tanpa memberi notis terlebih dahulu kepada pemenang.
10. Pemenang mestilah menanggung semua liabiliti termasuk kecederaan, kerosakan ataupun tuntutan yang berasal atau akibat penyertaan peraduan ini, penggunaan ataupun penerimaan sebarang hadiah peraduan ini. Pihak penganjur ataupun penaja peraduan ini tidak bertanggungjawab untuk sebarang liabiliti tersebut.
11. Keputusan para hakim peraduan ini adalah muktamad. Sebarang rayuan dan/atau surat-menyurat selanjutnya berkaitan rayuan tersebut tidak akan dilayan. Video yang terpilih oleh panel hakim akan dipaparkan untuk undi orang ramai di laman web Radiologi Malaysia. Pengundian orang ramai akan menentukan pemenang-pemenang peraduan video digital ini.
12. Semua pemenang akan **dihubungi melalui e-mel**. Sila tentukan setiap penyertaan mempunyai alamat e-mel yang betul. Senarai pemenang akan terpapar di laman web www.radiologymalaysia.org, Majalah Kidz dan Majalah Challenges
13. Pemenang-pemenang (kalau berumur kurang daripada 18 tahun, anda perlu mendapat kebenaran daripada ibubapa/penjaga yang sah terdahulu) diwajibkan untuk menghadiri upacara penyampaian hadiah ataupun sebarang program untuk publisiti laman web/kempen kesedaran Kolej Radiologi. Kegagalan pemenang menghadiri upacara penyampaian hadiah mungkin akan mengakibatkan hadiah tersebut ditarik balik. Rayuan selanjutnya tidak akan dilayan. Sila mengambil perhatian, penyampaian hadiah akan berlangsung di Bangsar Village 2, Kuala Lumpur pada 7 Nov 2009.
14. Pihak penganjur berhak menggunakan nama, gambar yang diambil atau maklumat lain tentang pemenang untuk tujuan pengiklanan dan promosi masa depan tanpa kebenaran pemenang dan tanpa bayaran kepada pemenang.
15. Pihak penganjur berhak pada bila-bila masa tanpa sebarang notis, menambah, memindah, mengubahsuai, menukar atau mengubah syarat-syarat dan peraturan Peraduan Slogan Radiology Malaysia-OPN2009 yang ternyata di sini,

secara sepenuhnya atau sebahagiannya, atas budi bicara mutlakny.

16. Semua peserta terikat kepada syarat dan peraturan peraduan yang terkandung di sini serta juga keputusan pihak penganjur atau agensinya.

Sekiranya berlaku percanggahan atau pertikaian dalam pentafsiran mana-mana syarat dan peraturan di dalam ini, sama ada dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan dikuatkuasakan.